



Hasan mengucapkan tahniah kepada Mahfar dan Hazwan (kiri) sambil diperhatikan Mohd Latip (kanan) selepas menggondol dua anugerah Penghargaan Khas Media pada **majlis makan malam sempena Anugerah Francais Malaysia 2014** di Kuala Lumpur, malam tadi.

[FOTO AZHAR RAMLI/BH]

# BH menang dua anugerah

**BH** menggondol dua anugerah Penghargaan Khas Media, masing-masing bagi Kategori Organisasi dan Individu berikutan kejayaan mempromosi industri francais menerusi pelbagai artikel yang disiarkan dalam akhbar itu.

Anugerah tahunan bagi Kategori Organisasi disampaikan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek kepada Pengarang Kumpulan BH, Datuk Mahfar Ali, pada majlis makan malam sem-

pena Anugerah Francais Malaysia 2014 di Kuala Lumpur, malam tadi.

Wartawan BH, Hazwan Faisal Mohamad, pula menerima Penghargaan Khas Media bagi Kategori Individu.

Yang turut hadir Pengerusi Peratuan Francais Malaysia, Datuk Mohd Latip Sarrugi.

**Marrybrown francais terbaik**  
Sementara itu, Marrybrown Sdn Bhd menggondol tiga anugerah dan dinobatkan Francais Terbaik

2014, dengan mengetepikan 15 jenama francais lain.

Pengusaha rangkaian makanan segera itu turut merangkul dua anugerah, iaitu Francaisor Terbaik dan Francaisor Antarabangsa Terbaik.

Universiti Putra Malaysia pula menjadi johan Program Pertandingan Perniagaan Francais 2014, manakala naib johan disandang Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia (ketiga).